Pendakwa Raya lwn Aramagam a/l Supromaniam

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN JENAYAH NO 42H-19 TAHUN 2011
SAMSUDIN HASSAN PK
18 JANUARI 2012

B

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Rayuan terhadap hukuman oleh pendakwa raya — Kesalahan merogol dan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii serta rompakan berkumpulan — Perayu menceroboh masuk rumah mangsa — Mangsa di rogol secara bergilir-gilir di hadapan suami dan anaknya — Kepentingan awam — Prinsip pencegahan — Prinsip pembalasan atau 'retribution' — Sama ada pengakuan salah secara automatik melayakkan hukuman ringan — Sama ada faktor kesalahan pertama secara automatik melayakkan hukuman ringan — Hukuman penjara dinaikkan — Hukuman penjara secara serentak ditukar kepada hukuman penjara secara berasingan

C

D

E

Prosedur Jenayah — Rayuan — Prinsip campur tangan oleh mahkamah rayuan — Prinsip terpakai — Sama ada hukuman tersilap dari segi prinsip — Sama ada wujud kegagalan untuk mengaplikasikan prinsip yang betul

F

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — ss 376(2)(c) & 377C — Kesalahan merogol dan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii serta rompakan berkumpulan — Rayuan terhadap hukuman oleh pendakwa raya — Perayu menceroboh masuk rumah mangsa — Mangsa di rogol secara bergilir-gilir di hadapan suami dan anaknya — Kepentingan awam — Prinsip pencegahan — Prinsip pembalasan atau 'retribution' — Sama pengakuan salah secara automatik melayakkan hukuman ringan — Sama ada faktor kesalahan pertama secara automatik melayakkan hukuman ringan — Hukuman penjara dinaikkan — Hukuman penjara secara serentak ditukar kepada hukuman penjara secara berasingan

G

H

Responden dan tertuduh-tertuduh lain telah menghadapi dua pertuduhan iaitu pertamanya kesalahan merogol di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan ('Kanun') dan keduanya kesalahan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii di bawah s 377C Kanun. Responden telah mengaku bersalah kepada pertuduhan-pertuduhan tersebut. Responden dan tertuduh-tertuduh lain dikatakan telah menceroboh masuk ke dalam rumah mangsa. Mereka telah memukul suami mangsa dan mengikat tangan dan kakinya. Mangsa pula telah dirogol secara bergilir-gilir di hadapan suami

I

dan anaknya. Responden juga telah memaksa mangsa mengulum kemaluannya. Responden dihukum sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap dan dikenakan lapan sebatan bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua masing-masingnya. Hukuman penjara tersebut diperintahkan berjalan serentak. Pihak pendakwaan telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap hukuman yang dijatuhkan.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu terhadap hukuman:

(1) Mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah hukuman yang menjadi asas rayuan semata-mata kerana ahli-ahli mahkamah itu telah menjatuhkan hukuman yang berbeza. Hanya apabila hukuman yang dijatuhkan didapati tersilap dari segi prinsip, maka barulah Mahkamah Rayuan patut mengubahnya. Jika hukuman adalah keterlaluan atau tidak memadai dan Mahkamah Rayuan berpuas hati bahawa telah wujud kegagalan untuk mengaplikasikan prinsip yang betul, maka barulah Mahkamah Rayuan akan campur tangan (lihat perenggan 9); *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 dirujuk.

(2) Dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol, kepentingan awam hendaklah diberi keutamaan. Hukuman tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menghukum responden, tetapi juga untuk mencegah orang lain yang berhasrat untuk melakukan kesalahan yang sama. Dalam keadaan yang mana kes rogol dilaporkan berlaku hampir setiap hari, hukuman yang dijatuhkan perlu mengambil kira keperluan untuk memberi amaran keras kepada orang ramai bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur dengan kesalahan ini (lihat perenggan 11).

(3) Dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol, prinsip pembalasan atau 'retribution' perlu diambil perhatian untuk mencerminkan kutukan atau kecaman masyarakat terhadap kesalahan tersebut (lihat perenggan 15).

(4) Responden bukan setakat merogol dan melakukan persetubuhan luar tabii ke atas isteri orang tetapi juga menggunakan kekerasan bersenjatakan pisau dan kayu golf untuk menakutkan dan mendatangkan kecederaan kepada si mangsa dan suaminya serta pada masa yang sama melakukan rompakan berkumpulan (lihat perenggan 17).

(5) Pengakuan salah responden tidak secara automatik melayakkan responden dikenakan hukuman yang ringan sekiranya kepentingan awam menuntut hukuman yang deteren (lihat perenggan 19); *Public Prosecutor v Md Rashid bin Harun* [2000] 3 MLJ 503 dirujuk.

(6) Faktor kesalahan pertama dan tiada kesalahan lampau bukanlah perkara

utama untuk melayakkan responden mendapatkan hukuman yang ringan (lihat perenggan 20); *Public Prosecutor v Ooi Teng Chian* [2006] 1 MLJ 213 dirujuk.

(7) Hukuman ke atas responden di bawah s 376(2)(c) Kanun dinaikkan kepada 15 tahun penjara dari tarikh tangkap dan lapan sebatan rotan. Bagi hukuman di bawah s 377(C) Kanun pula dikekalkan pada sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap dengan lapan sebatan (lihat perenggan 23).

(8) Oleh kerana responden dikenakan dua pertuduhan yang berasingan di bawah s 376(2)(c) dan s 377(C) Kanun, timbul elemen dua kesalahan yang berlainan. Maka hukuman ke atas responden di bawah kedua-dua pertuduhan hendaklah dijalankan secara berasingan (lihat perenggan 24); *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414 diikut.

[English summary

The respondent together with other accused persons faced with two charges ie firstly for the offence of rape under s 376(2)(c) of the Penal Code ('Code') and secondly for the offence of committing carnal intercourse against the order of nature under s 377C of the Code. The respondent pleaded guilty to the charges. The respondent and other accused persons were said to have trespassed into the victim's house. They had beaten up the victim's husband and tied up his hands and legs. The victim was then raped in turns in front of the husband and the child. The respondent had also forced the victim to perform oral sex on him. The respondent was sentenced to ten years imprisonment from date of arrest and eight strokes for the first and second charges respectively. The sentences of imprisonment were ordered to run concurrently. The prosecution appealed to the High Court against the sentences imposed.

Held, allowing the appellant's appeal against sentence:

(1) The court hearing the appeal will not vary the sentence which was the basis of the appeal merely because the members of the court had imposed different sentences. Only when the sentence imposed is found to be mistake in principle, then the appellate court ought to vary the same. If the sentence is excessive or insufficient and the appellate court is satisfied that there is failure to apply the correct principle, only then the appellate court will interfere (see para 9); *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256 referred.

(2) In imposing sentence against an offender for rape, public interest must be given priority. The sentence is not only to punish the respondent, but also to deter others who intend to commit the same offence. In a situation where a rape case is reported almost every day, the sentence imposed must take into account the need to give strong warning to the public that the court will not tolerate with such offences (see para 11).

(3) In imposing sentence against a rape offender, the principle of retribution must be given attention to reflect the condemnation or castigation by the public against the offence (see para 15).

(4) The respondent did not stop with rape and committing carnal intercourse against the order of nature on another's wife but had also used violence being armed with knife and golf club to frighten and cause injuries to the victim and her husband and at the same time committing gang robbery (see para 17).

(5) The respondent's guilty plea did not automatically entitle the respondent to a lesser sentence if public interest demanded a deterrent sentence (see para 19). *Public Prosecutor v Md Rashid bin Harun* [2000] 3 MLJ 503 referred.

(6) The factor of first offence and there was no previous convictions was not the primary matter to entitle the respondent to a lesser sentence (see para 20); *Public Prosecutor v Ooi Teng Chian* [2006] 1 MLJ 213 referred.

(7) The sentence against the respondent under s 376(1)(c) of the Code was increased to 15 years imprisonment from the date of arrest and eight strokes of the rattan. For the offence under s 377C of the Code it was sustained as ten years imprisonment from the date of arrest with eight strokes (see para 23).

(8) As the respondent was charged with two different offences under s 376(2)(c) and s 377C of the Code, the element of two distinct offences arose. Therefore, the sentence against the respondent under both charges must run separately (see para 24). *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414 followed.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai prinsip campur tangan oleh mahkamah rayuan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 696.

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(2)*Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 3702–3770.

Kes-kes yang dirujuk

Harris v The Queen (1953–54) 90 CLR 652 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Md Rashid bin Harun [2000] 3 MLJ 503; [2000] 3 CLJ 832, MT (dirujuk)
PP v Ooi Teng Chian [2006] 1 MLJ 213; [2005] 4 CLJ 557, MR (dirujuk)
PP v Yap Huat Heng [1985] 2 MLJ 414 (diikut)
R v Ball (1951) 35 Cr App Rep 164, MR (dirujuk)
R v Roberts [1982] 1 All ER 609, MR (dirujuk)
R v Sargeant (1974) 60 Cr App Rep 74, CA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 376(2)(c), 377C, 395, 397

Farah Ezlin bt Yusop Khan (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak perayu.

Aramagam a/l Supromaniam (Pengarah, Penjara Kluang, Johor) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan PK:

PENDAHULUAN

[1] Di peringkat perbicaraan di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, Johor, terdapat lima kes kesemuanya yang dibicarakan bersekali ('joint trial'). Kes-kes tersebut adalah seperti disenaraikan di bawah berikut:

(a) Kes No 62–111 Tahun 2010 iaitu kesalahan di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan;

(b) Kes No 62–201 Tahun 2010 iaitu kesalahan di bawah s 395/397 Kanun Keseksaan;

(c) Kes No 62–112 Tahun 2010 iaitu kesalahan di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan;

(d) Kes No 62–123 Tahun 2010 iaitu kesalahan di bawah s 377C Kanun Keseksaan; dan

(e) Kes No 62–152 Tahun 2010 iaitu dua kesalahan di bawah s 395/397 Kanun Keseksaan dan s 376(2)(c) Kanun Keseksaan.

[2] Kes-kes (a) dan (b) di atas melibatkan OKT1. Kes (c) melibatkan OKT2. Kes (d) melibatkan OKT3. Kes (e) melibatkan OKT4.

[3] OKT2 atau responden dalam Kes No 62–112 Tahun 2010 menghadapi dua pertuduhan iaitu pertamanya kesalahan merogol di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Akta yang sama dan keduanya kesalahan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii di bawah s 377C Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Akta yang sama.

[4] Pada mulanya semua OKT minta dibicarakan terhadap pertuduhan-pertuduhan tetapi pada 1 Mei 2011 mereka termasuklah responden menukar pengakuan kepada mengaku bersalah setelah pertuduhan-pertuduhan yang mereka masing-masing hadapi dibacakan dan diterangkan serta mereka faham akan sifat dan akibat pengakuan itu melalui khidmat jurubahasa mahkamah.

[5] Responden dihukum sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu 2 Mac 2010 dan dikenakan lapan sebatan bagi pertuduhan pertama di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan dan juga pertuduhan kedua di bawah s 377(c) Kanun Keseksaan masing-masingnya. Hukuman penjara tersebut diperintahkan berjalan serentak.

[6] Perayu tidak berpuas hati dengan hukuman ke atas responden dibuat oleh Tuan hakim mahkamah sesyen lalu merayu kepada Mahkamah Tinggi ini terhadap perintah tersebut melalui notis rayuan bertarikh 18 Mei 2011 dan petisyen rayuan bertarikh 14 Julai 2011.

PERTUDUHAN

[7] Dua pertuduhan yang dikemukakan terhadap responden adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama:

Bahawa kamu pada 28.2.2010 jam lebih kurang 6.00 pagi hingga 7.00 pagi di alamat sebuah rumah No. 4, Jalan Palas 15, Taman Teratai, Kangkar, Pulai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor didapati telah merogol seorang perempuan Melayu nama Norhaida bte Abdullah, KPT: 840304-05-5150. Oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 376(2)(c) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Pertuduhan Kedua:

Bahawa kamu pada 28.2.2010 jam lebih kurang 6.00 pagi hingga 7.00 pagi di alamat sebuah rumah No. 4, Jalan Palas 15, Taman Teratai, Kangkar, Pulai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor didapati telah melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii terhadap seorang perempuan Melayu nama Norhaida bte Abdullah, KPT: 840304-05-5150. Oleh itu, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 377C Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

FAKTA KES

[8] Fakta kes dikemukakan secara bertulis dan ditandakan sebagai eksh P1 dan barang-barang kes lain dikemukakan sebagai ekshs P2–P16 dan semuanya diakui benar oleh responden.

RAYUAN TERHADAP HUKUMAN

[9] Adalah menjadi prinsip undang-undang mantap bahawa berhubung dengan rayuan terhadap hukuman, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah hukuman yang menjadi asas rayuan semata-mata kerana

ahli-ahli mahkamah itu telah menjatuhkan hukuman yang berbeza. Hakim perbicaraan telah melihat tertuduh dan mendengar sejarah dan perwatakannya. Hanya apabila hukuman yang dijatuhkan didapati tersilap dari segi prinsip, maka barulah mahkamah rayuan patut mengubahnya. Jika hukuman adalah keterlaluan atau tidak memadai dan mahkamah rayuan berpuas hati bahawa telah wujud kegagalan untuk mengaplikasikan prinsip yang betul, maka barulah mahkamah rayuan akan campur tangan (lihat kes-kes *R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164 dan *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256).

[10] Inti pati prinsip ini telah dinyatakan dengan tepat dan menyeluruh dalam kes *Harris v The Queen* (1953–54) 90 CLR 652 di ms 655–665:

> The jurisdiction to revise such discretion must be exercised in accordance with recognised principles, it is not enough that the members of the court would themselves have imposed a less or different sentence, or that they think the sentence, or that over-severe. There must be some reasons for regarding the discretion confided to the court of first instance as improperly exercised. This may appear from the circumstances which that court has taken into account. They may include some considerations which ought not to have affected the discretion, or been misled as to the facts, or an error of law may have been made. Effect may have been given to views or opinions which are extreme or misguided but it not necessary that some definite or specific error should be assigned. The nature of the sentence itself, when considered in relation to the offence and the circumstances of the case, may be such as to afford convincing evidence that in some way the exercise of the discretion has been unsound. In short, the principles which guide courts of appeal in dealing with matters resting in the discretion of the court of first instance retrain the intervention of this court to cases where the sentence appears unreasonable, or has not been fixed in the due and proper exercise of the courts authority.

PENILAIAN TERHADAP HUKUMAN YANG DIJATUHKAN OLEH HAKIM MAHKAMAH SESYEN

[11] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan hakim mahkamah sesyen bahawa dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol, kepentingan awam hendaklah diberi keutamaan. Hukuman tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menghukum responden, tetapi juga untuk mencegah orang lain yang berhasrat untuk melakukan kesalahan yang sama. Dalam keadaan di mana kes rogol dilaporkan berlaku hampir setiap hari, hukuman yang dijatuhkan perlu mengambil kira keperluan untuk memberi amaran keras kepada orang ramai bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur dengan kesalahan ini.

[12] Penelitian terhadap hukuman yang dijatuhkan terhadap kesalahan rogol oleh kes-kes terdahulu jelas menunjukkan bahawa hukuman berat telah

dijatuhkan oleh mahkamah demi menjaga kepentingan awam. Dalam kes *R v Roberts* [1982] 1 All ER 609, Lord Lane CJ berkata:

> Rape is always a serious crime. Other than in wholly exceptional circumstances, it calls for an immediate custodial sentence … A custodial sentence is necessary for a variety of reasons. First of all to mark the gravity of the offence. Second, to emphasise public disapproval. Third, to serve as a warning to others. Fourth, to punish the offender and last, but no means least, to protect women. The length of the sentence will depend on all circumstances. That is a trite observation, but these in cases of rape vary widely from case to case.

[13] Adalah tidak dapat dipertikaikan bahawa kesalahan rogol ialah suatu kesalahan yang serius kerana ia adalah 'the ultimate violation of self'. Perbuatan tersebut mencabul dan menyerang kehormatan ('dignity') seorang insan. Tiada apa mana-mana sistem undang-undang yang bertamadun boleh mengetepikan dan membiarkan akibat traumatik yang dialami oleh seseorang mangsa rogol yang malang dan kesannya kepada keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat.

[14] Dalam kes ini kejadian berlaku pada jam lebih kurang 6 pagi sebaik sahaja mangsa dan suaminya bangun dari tidur dan hendak menunaikan solat subuh di rumah kediaman mereka. Umum sedia maklum rumah adalah 'our sanctuary' iaitu tempat kita sekeluarga beristirehat dalam keadaan aman dan tenteram. Keganasan dan kecelakaan tidak sekali-kali diundang di tempat kediaman. Apa yang berlaku di rumah tersebut dalam kes ini empat OKT termasuklah responden telah menceroboh masuk bilik kediaman mangsa sekeluarga. Mereka memukul kepala, lengan, dan badan suami mangsa dengan kayu golf serta juga mengacukan pisau ke perutnya. Kemudiannya tangan dan kaki suami si mangsa itu diikat ke belakang menggunakan baju isterinya. Mangsa pula telah dipaksa menyerahkan rantai yang dipakai dan kemudiannya dibawa keluar dari bilik tersebut dan diperkosa. Turutan daripada itu mangsa dibawa semula ke bilik tidur dalam keadaan meronta-ronta dan dipukul dan pada masa yang sama keempat-empat OKT termasuklah responden bergilir-gilir merogol dengan tangan dan kaki mangsa dipegang setiap kali kejadian keji dan jijik dilakukan. Malahan responden telah memaksa mangsa mengulum kemaluannya. Mendukacitakan semua perbuatan OKT yang kejam dan tidak berperikemanusian ini berlaku dalam kehadiran suami dan anak perempuan mereka yang baru berusia 1 tahun 4 bulan ketika itu. Didapati juga padanan cap jari responden pada barang kes kejadian ini. Perlakuan pesalah begini perlu dibanteras habis-habisan di kalangan masyarakat kita. Jadi mana mungkin kepentingan awam dijagai dari angkara sebegini sekiranya mahkamah menjatuhkan satu hukuman yang tidak setimpal dengan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh responden di sini.

[15] Dalam menjatuhkan hukuman terhadap pesalah rogol, pada

pandangan mahkamah ini, prinsip pembalasan atau 'retribution' juga perlu diambil perhatian untuk mencerminkan kutukan atau kecaman masyarakat terhadap kesalahan tersebut. Seperti yang diputuskan dalam kes *R v Sargeant* (1974) 60 Cr App Rep 74:

> There is, however, another aspect of retribution which is overlooked, it is that society, through the courts, must show its abhorrence of particular type of crime, and the only way in which they, the courts, can do this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

[16] Parlimen telah menetapkan hukuman yang berat terhadap kesalahan rogol di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan iaitu dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 30 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan. Bagi kesalahan melakukan persetubuhan yang bertentang dengan aturan luar tabii di bawah s 377C Kanun Keseksaan pula iaitu penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari 20 dan boleh juga dikenakan sebatan. Pada pandangan mahkamah, hukuman berat ini ialah suatu manifestasi penghormatan yang tinggi bagi melindungi kehormatan, maruah dan kesucian wanita. Oleh itu, sekiranya hukuman yang ringan dikenakan terhadap pesalah rogol, maka ia adalah merupakan satu pengkhianatan terhadap penghormatan tersebut. Hukuman berat yang ditetapkan itu juga mencerminkan hasrat Parlimen untuk mencegah jenayah ini dari berlaku secara berleluasa dan melindungi wanita dari mereka yang bersifat kebinatangan yang tidak dapat mengawal nafsu syahwat buas mereka ('to protect women against the unbridled bestiality persons who cannot control their libidinous proclivities').

[17] Dalam kes yang dibicarakan ini responden bukan setakat merogol dan melakukan persetubuhan luar tabii ke atas isteri orang tetapi juga menggunakan kekerasan bersenjatakan pisau dan kayu golf untuk menakutkan dan mendatangkan kecederaan kepada si mangsa dan suaminya serta pada masa yang sama melakukan rompakan berkumpulan. Jadi sudah pasti perlakuan kesalahan ini tidak cukup dengan hanya mengenakan hukuman ke atas responden penjara sepuluh tahun dari tarikh tangkap dan lapan sebatan rotan bagi kedua-dua pertuduhan di bawah s 376(2)(C) Kanun Keseksaan dan s 377C Kanun Keseksaan masing-masingnya hukuman penjara berjalan serentak.

[18] Tidak hairanlah bila Tuan hakim mahkamah sesyen dalam alasan penghakimannya menyatakan laporan akhbar memetik berita OKT-OKT ketawa setelah hukuman dijatuhkan. Ini bukan isu peristiwa tersebut berlaku selepas dari prosiding ditamatkan tetapi ini adalah reaksi masyarakat melalui saluran media massa yang mengeluh dengan hukuman mahkamah yang tidak

setimpal dengan kesalahan dilakukan oleh OKT-OKT yang mempersendakan perintah tersebut seolah-olah mereka tidak berasa kesal, insaf dan bersalah langsung.

[19] Berkait pengakuan salah responden itu mahkamah menyatakan ianya tidak secara automatik melayakkan responden dikenakan hukuman yang ringan sekiranya kepentingan awam menuntuk hukuman yang deteren (lihat *Public Prosecutor v Md Rashid Harun* [2000] 3 MLJ 503; [2000] 3 CLJ 832).

[20] Seperkara lagi faktor kesalahan pertama dan tiada kesalahan lampau bukanlah perkara utama untuk melayakkan responden mendapatkan hukuman yang ringan (lihat *Public Prosecutor v Ooi Teng Chian* [2006] 1 MLJ 213; [2005] 4 CLJ 557). Impak gejala rogol ini perlu diberi perhatian serius oleh mahkamah ini kerana ianya seakan tidak terkawal masa kini berdasarkan laporan kes pembuangan bayi yang tidak berdosa saban hari di merata-rata tempat dan pelusuk bandar dan kampung amat berleluasa.

[21] Mahkamah ini juga perhatikan Tuan hakim perbicaraan dalam alasan penghakimannya acap menyebut mengenakan sebatan ke atas OKT-OKT termasuklah responden di antara 14–16 kali setiap seorang dan ini jelas kekhilafan yang ketara dalam pemikiran beliau yang mana sebenarnya pesalah-pesalah ini dikenakan lapan sebatan rotan sahaja setiap seorang. Jadi bolehlah dirumuskan apa yang bermain di fikiran Tuan hakim perbicaraan ketika itu ialah sebatan rotan 14–16 kali setiap seorang pesalah kerana kesalahan yang dilakukan amat serius dan itulah hukuman sebat yang setimpal dengan dosa yang dilakukan ke atas mangsa yang suci dan tidak bersalah itu.

[22] Mahkamah ini telah membuat penilaian yang terperinci berdasarkan faktor yang boleh memberatkan hukuman diseimbangkan pula dengan faktor mitigasi dan berasaskan prinsip tersebut memutuskan hukuman penjara selama sepuluh tahun dari tarikh tangkap dan lapan sebatan rotan bagi kedua-dua pertuduhan di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan dan s 377C Kanun Keseksaan masing-masingnya ke atas OKT-OKT termasuklah responden adalah tidak mencukupi (‘inadequate’) dan tidak setimpal dengan dua kesalahan serius tersebut.

KESIMPULAN

[23] Jadi atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas sebentar tadi adalah diputuskan bahawa hukuman ke atas responden di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan itu dinaikkan kepada 15 tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu 2 Mac 2010 dan masih lapan sebatan. Bagi hukuman di bawah s 377C Kanun Keseksaan pula dikekalkan pada sepuluh tahun penjara dari tarikh tangkap iaitu 2 Mac 2010 dengan lapan sebatan.

[24] Oleh kerana responden di sini dikenakan dua pertuduhan yang berasingan iaitu merogol di bawah s 376(2)(c) Kanun Keseksaan dan melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii di bawah s 377C Kanun Keseksaan maka timbullah elemen dua kesalahan yang berlainan. Di dalam keadaan sedemikian prinsip yang diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Yap Huat Heng* [1985] 2 MLJ 414 adalah terpakai dan petikannya adalah seperti berikut:

> Where two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. It should only be made concurrent when an offender had been convicted of a prinsipal and a subsidiary offence. In all other cases sentences should made to run consecutively.

[25] Berdasarkan pernyataan di atas itu maka hukuman ke atas responden di bawah kedua-dua pertuduhan tersebut hendaklah dijalankan secara berasingan. Jadi jumlah kesemua hukuman penjara adalah 25 tahun dengan 16 sebatan. Oleh itu rayuan perayu terhadap hukuman adalah dibenarkan.

Rayuan perayu terhadap hukuman dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum